

**KENYATAAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
29 JANUARI 2015**

**1. PROMOSI BAYARAN CUKAI PINTU DAN CABUTAN BERTUAH
TAHUN 2015**

Sukacita saya memaklumkan bahawa Promosi Bayaran Cukai Pintu 2015 yang telah bermula pada 1 Disember 2014 yang lalu akan tamat pada 31 Januari 2015. Pembayar cukai taksiran yang masih belum membuat bayaran dan ingin menyertai cabutan bertuah boleh membuat bayaran dengan segera di Kaunter Bayaran MPSP di Bandar Perda, Kaunter Cawangan MPSP di Kg. Jawa, Butterworth dan Jawi. Pembayar cukai juga boleh membuat bayaran di laman web MPSP, laman web Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan agen-agen yang sah dilantik oleh MPSP. Untuk maklumat lanjut mengenai terma dan syarat serta senarai hadiah yang ditawarkan, sila layari laman web www.mpsp.gov.my atau hubungi di talian 04-5497470 / 471 / 697 / 696 / 468 / 790 atau e-mail di waran@mpsp.gov.my.

2. PEGAWAI BARU BERJAWATAN TETAP KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

Sebagai makluman, MPSP telah melantik seorang Pegawai Pengurusan & Profesional ke jawatan tetap pada 2 Januari 2015 di dalam usaha memantapkan lagi pentadbiran Majlis. Pegawai tersebut, adalah Dr Ahmad Zaimi bin Abdul Latiff, Pegawai Perubatan Gred UD 48, yang ditugaskan di Jabatan Perkhidmatan Kesihatan.

Dimaklumkan bahawa Majlis juga telah menerima seorang lagi pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang telah melapor diri pada 15 Januari 2015. Pegawai tersebut adalah Encik Muhammad Reduan bin Jaafar, Pegawai Perancang Bandar dan Desa, Gred J41 dari Bahagian Perancangan Wilayah, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia. Beliau ditugaskan di Bahagian Unit Pusat Setempat (OSC), Majlis Perbandaran Seberang Perai menggantikan Encik Mohd. Zulidzham Mohd. Ali yang telah bertukar ke Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Negeri Kedah.

3. SELAMAT MENYAMBUT HARI THAIPUSAM

Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Thaipusam kepada semua penganut Agama Hindu yang bakal meraikannya pada 3 Februari 2015 (Selasa) dan hari tersebut merupakan Hari Kelepasan Am.

4. SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU CINA

Dikesempatan ini juga saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru Cina kepada semua masyarakat Tionghua di Pulau Pinang yang akan disambut pada hari 19 & 20 Februari 2015 iaitu Khamis dan Jumaat dan merupakan Hari Kelepasan Am.

5. SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Adalah dimaklumkan bahawa program sihat iaitu Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Taman Tunku, Seberang Jaya pada 1 Februari 2015 (Ahad) dan Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan pada 15 Februari 2015 (Ahad). Manakala Program Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal pada bulan Februari 2015 adalah dibatalkan kerana sambutan Tahun Baru Cina. Sehubungan dengan itu, tuan-tuan

dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

SEKIAN, TERIMA KASIH.